

**KATA-KATA ALUAN**  
**YAB DATO SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MESYUARAT BERSAMA PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BUKAN**  
**KERAJAAN MENGENAI KEGANASAN SEKSUAL DI DEWAN PERSIDANGAN,**  
**BANGUNAN PERDANA PUTRA**  
**11 MEI 2004**  
-----

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA.

1. MESYUARAT PADA HARI INI AKAN MEMBINCANGKAN SESUATU ISU YANG PENTING DAN HANGAT DIPERKATAKAN IAITU KEGANASAN SEKSUAL. ISU KEGANASAN SEKSUAL ADALAH SESUATU YANG AMAT SUKAR BAGI KITA SEMUA KERANA IA MENGUTARAKAN APA YANG DIKATAKAN "THE DARK SIDE OF HUMAN NATURE", DAN BAGI KEBANYAKAN KITA, ADALAH SESUATU YANG MENAKUTKAN, JIJIK, DAN TIDAK DAPAT DIBAYANGKAN. NAMUN, MASALAH KEGANASAN SEKSUAL, TERUTAMANYA YANG MELIBATKAN WANITA DAN KANAK-KANAK, NAMPAKNYA SEMAKIN MERUNCING DI NEGARA KITA. MASA SUDAH TIBA UNTUK KITA MANGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TEGAS UNTUK MENGHAPUSKAN GEJALA INI DARI KALANGAN MASYARAKAT.

2. JUSTERU ITU, SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN SAYA KEPADA MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KOMUNITI ATAS USAHANYA UNTUK MENGATURKAN MESYUARAT INI. SAYA JUGA MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN PARA PERWAKILAN DARI PELBAGAI BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN (N.G.O.) YANG ADA BERSAMA KITA PADA HARI INI. SAYA TIDAK SANGKA BEGITU RAMAI PARA N.G.O. AKAN HADIR DI MESYUARAT PADA HARI INI. TETAPI BAGI SAYA, INI ADALAH PETANDA YANG BAIK, KERANA IA MENUNJUKKAN BAHAWA ANDA SEMUA MENGAMBIL BERAT TENTANG MASALAH INI, DAN BEGITU KOMITED UNTUK MENCARI JALAN PENYELESAIANNYA.

3. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA PANDANGAN-PANDANGAN DAN SYOR-SYOR YANG AKAN DIBENTANGKAN SEBENTAR LAGI ADALAH HASIL DARIPADA DUA BENGKEL PERBINCANGAN AWAM ATAU "PUBLIC CONSULTATION WORKSHOPS" YANG TELAH DIANJURKAN OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KOMUNITI PADA BULAN FEBRUARI LALU. SEPERTIMANA YANG SAUDARA-SAUDARI SEDIA MAKLUM, MESYUARAT INI SEPATUTNYA DIADAKAN PADA BULAN MAC LALU, TETAPI IANYA TERPAKSA DITUNDA OLEH KERANA PILIHANRAYA UMUM DIADAKAN PADA MASA TERSEBUT. JUSTERU TU, SAYA AMAT MENGHARGAI KESABARAN SAUDARA DAN SAUDARI SEMUA KERANA TELAH MENUNGGU SELAMA DUA BULAN UNTUK MENGADAKAN MESYUARAT INI.

**KOMITMEN KERAJAAN UNTUK MENGHAPUSKAN KEGANASAN SEKSUAL**

4. DI SINI SAYA INGIN MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN SAYA KOMITED SERATUS PERATUS UNTUK MENGHAPUSKAN SEGALA JENIS KEGANASAN SEKSUAL,

TERUTAMANYA YANG MELIBATKAN WANITA DAN KANAK-KANAK. DENGAN ITU, SAYA MENGALU-ALUKAN PANDANGAN-PANDANGAN DAN SYOR-SYOR SAUDARA-SAUDARI SEMUA BAGAIMANA KERAJAAN DAN PIHAK N.G.O. DAPAT BEKERJASAMA UNTUK MENGHAPUSKAN MASALAH KEGANASAN SEKSUAL SEPERTI ROGOL, SUMBANG MAHRAM DAN SEBAGAINYA DARI BERLAKU LAGI DI KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA. I LOOK FORWARD TO HEARING YOUR VIEWS AND YOUR RECOMMENDATIONS AS TO HOW THE GOVERNMENT AND N.G.O.S CAN WORK TOGETHER TO ERADICATE ALL FORMS OF SEXUAL VIOLENCE, ESPECIALLY RAPE AND INCEST, FROM OCCURING IN OUR SOCIETY.

5. SETAKAT INI, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH POSITIF UNTUK MENANGANI MASALAH KEJADIAN KEGANASAN SEKSUAL DI KALANGAN MASYARAKAT. PADA TAHUN 1989, BEBERAPA UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN DENGAN KES ROGOL TELAH DIPINDA UNTUK MENINGKATKAN LAGI KEBERKESANANNYA SERTA MENINGKATKAN TAHAP KEADILAN ATAU "SENSE OF JUSTICE" BAGI SI MANGSA. INI TERMASUK MENAIKKAN TAHAP UMUR BAGI "STATUTORY RAPE" DARI 14 TAHUN KEPADA 16 TAHUN; MENGENAKAN TEMPOH PENJARA MINIMA SECARA MANDATORI BAGI PEROGOL YANG DIDAPATI BERSALAH; DAN JUGA MENAMBAHKAN TEMPOH PENJARA MAKSIMA BAGI KES MENCABUL KEHORMATAN DARI DUA HINGGA SEPULUH TAHUN.

6. PADA TAHUN 2000, SUATU JAWATANKUASA PEMANDU KEBANGSAAN MENGENAI KEGANASAN TERHADAP WANITA TELAH DITUBUHKAN UNTUK MENGENALPASTI PUNCA DAN LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH KEGANASAN TERHADAP WANITA. JAWATANKUASA INI TELAH BERJAYA MEMBUAT PINDAAN KEPADA BEBERAPA UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN DENGAN KES KEGANASAN RUMAHTANGGA.

7. KEBELAKANGAN INI, APABILA KES-KES ROGOL DAN BUNUH CANNY ONG, NORRITA, DAN NURUL HUDA GHANI YANG BEGITU MENYAYAT HATI TERJADI, SAYA TELAH MENGARAHKAN SUPAYA PIHAK POLIS MENAMBAHBAIKKAN PROSES PENYIASATAN SUPAYA BAHAN BUKTI DAPAT DIKUMPULKAN SECARA LEBIH TELITI DAN TERATUR. SAYA JUGA TELAH MENGARAHKAN SUPAYA PROSES PERBICARAAN BAGI KES-KES ROGOL DAN BUNUH DIJALANKAN SECARA "FAST-RACK" SUPAYA TIDAK MEMBEBANKAN LAGI KELUARGA SI MANGSA. SAYA JUGA MENCADANGKAN SUPAYA PEROGOL YANG DIDAPATI BERSALAH, TERUTAMANYA DALAM KES ROGOL DAN BUNUH, DIBERI HUKUMAN YANG LEBIH BERAT, SETIMPAL DENGAN KELAKUAN JENAYAHNYA.

### **MASALAH KEGANASAN SEKSUAL YANG SEMAKIN MERUNCING**

8. WALAUBAGAIMANAPUN, DIDAPATI BAHAWA LANGKAH-LANGKAH INI TIDAK MENCUKUPI. MASALAH KEGANASAN SEKSUAL TIDAK BERJAYA DIBENDUNG, TETAPI SEBALIKNYA KES-KES YANG MELIBATKAN KEGANASAN SEKSUAL TELAH MENINGKAT NAIK. BILANGAN KES ROGOL YANG DILAPORKAN TELAH MENINGKAT DARI 1,210 PADA TAHUN 2000 KEPADA 1,418 PADA TAHUN 2002, IAITU PENINGKATAN SEBANYAK 17 PERATUS. YANG MENYEDIHKAN LAGI, ANTARA 50-60 PERATUS DARIPADA JUMLAH KES ROGOL INI MELIBATKAN MANGSA PEREMPUAN DIBAWAH

UMUR 16 TAHUN. SATU TREND YANG AGAK MEMBIMBANGKAN JUGA ADALAH KEGUNAAN KEGANASAN YANG EKSTREM, TERMASUK MEMBUNUH, DALAM KES-KES ROGOL TERSEBUT. TURUT MEMBIMBANGKAN, KES-KES SUMBANG MAHRAM MASIH BERLAKU. STATISTIK MENUNJUKKAN BAHAWA 4.8% DARIPADA PEROGOL ADALAH DARI GOLONGAN BAPA KANDUNG, 2.8% ADALAH TERDIRI DARIPADA BAPA TIRI, DAN LEBIH KURANG 5% ADALAH TERDIRI DARIPADA SAUDARA TERDEKAT.

## **PENDEKATAN KOMPREHENSIF DAN BERSEPADU**

9. SEDIKIT-SEBANYAK, INI MEMBERI GAMBARAN BAHAWA MASIH TERDAPAT BEBERAPA KELEMAHAN DALAM PENDEKATAN KITA UNTUK MENANGANI MASALAH INI. PENDEKATAN KERAJAAN SETAKAT INI TELAH MENERIMA KRITIKAN DARIPADA BEBERAPA PIHAK KERANA KONONNYA LEBIH REAKTIF DAN BUKAN PROAKTIF, SERTA LEBIH BERTUMPU KEPADA LANGKAH-LANGKAH PUNITIF—CONTOHNYA DEBAT MENGENAI HUKUMAN SEBAT— DAN TIDAK KEPADA LANGKAH-LANGKAH PREVENTIF—SEPERTI MENGAJAR CARA-CARA MEMPERTAHAKAN DIRI ATAU MENAIKKAN TARAF KESELAMATAN KAWASAN-KAWASAN BERISIKO TINGGI ATAU “HIGH-RISK AREAS”.

10. PADA SAYA, INI KRITIKAN YANG TIDAK BERASAS KERANA KERAJAAN TELAH JUGA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH YANG PROAKTIF DAN PREVENTIF DALAM MENANGANI MASALAH KEGANASAN SEKSUAL. TETAPI MUNGKIN BEZANYA ADALAH LANGKAH-LANGKAH SEPERTI INI TIDAK MENDAPAT PERHATIAN UMUM KERANA IA TIDAK DIKAITKAN SECARA TERUS DALAM MINDA ORANG RAMAI DENGAN SESUATU INSIDEN YANG NGERI SEPERTI ROGOL DAN BUNUH.

11. WALAUBAGAIMANAPUN, PADA SAYA, SATU PENYELESAIAN YANG KOMPREHENSIF DAN BERSEPADU MESTILAH BERASASKAN KEFAHAMAN YANG MENDALAM TENTANG PUNCA SEBENAR MASALAH TERSEBUT SERTA FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA BERLAKUNYA MASALAH TERSEBUT. LADIES AND GENTLEMEN, I BELIEVE THAT COMPREHENSIVE AND COHERENT SOLUTIONS MUST BE BASED ON A DEEPER UNDERSTANDING OF UNDERLYING CAUSES AND CONTRIBUTING PROBLEMS, AND TACKLED IN A WAY THAT REFLECTS THIS UNDERSTANDING. VIOLENT CRIMES AGAINST WOMEN AND CHILDREN DO NOT JUST HAPPEN. THEY ARE THE END RESULT IN A LONG CHAIN OF CONTRIBUTING FACTORS AND EVENTS. SEXUAL VIOLENCE CAN BE LINKED TO ECONOMIC AND SOCIAL ISSUES SUCH AS POVERTY, DRUG ABUSE, RELIGIOUS AND CULTURAL ISSUES, AND THE SOCIAL STANDING OF WOMEN IN SOCIETY AMONG OTHERS. AS SUCH, VIOLENT CRIMES AGAINST WOMEN MUST BE SEEN AS A SOCIETAL PROBLEM, NOT JUST WOMEN'S PROBLEM. SOLUTIONS MUST ALSO THEREFORE INVOLVE EVERYONE IN SOCIETY, NOT JUST WOMEN.

12. WHEN WE LOOK TO FINDING SOLUTIONS TO END SEXUAL VIOLENCE, WE SHOULD TAKE THIS INHERENT UNDERSTANDING OF A LINKED CHAIN AS INSTRUCTIVE. FOR EXAMPLE, WE SHOULD LOOK AT THE ENTIRE “POLICY VALUE-CHAIN” INCLUDING PREVENTION, VICTIM MANAGEMENT, PUNITIVE ACTION AND PENALTIES, AS WELL AS REHABILITATION OF VICTIMS AND PERPETRATORS AS PARTS OF AN OVERALL SOLUTION. I LOOK FORWARD TO HEARING FROM YOU

LATER REGARDING YOUR THOUGHTS AND VIEWS ON WHERE ALONG THIS CHAIN YOU THINK LIE THE MOST STRATEGIC INTERVENTION POINTS FOR THE GOVERNMENT AND SUBSEQUENTLY WHAT SPECIFIC ACTIONS CAN BE TAKEN BY THE GOVERNMENT AT EACH SPECIFIC POINT.

## **PENUTUP**

13. SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN, KERJA KITA PADA HARI INI AMAT BERAT, DAN MASA YANG DIPERUNTUKKAN ADALAH SINGKAT. JADI UNTUK TIDAK MELENGAH-LENGAH MASA LAGI, SAYA SEKALI LAGI MENGALU-ALUKAN PENDAPAT-PENDAPAT DAN SYOR-SYOR SAUDARA DAN SAUDARI SEMUA. ADALAH MENJADI HARAPAN BESAR SAYA BAHAWA APA YANG DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT INI AKAN MENJADI INPUT YANG BERMAKNA BAGI MEMANTAPKAN DASAR SERTA AKTIVITI-AKTIVITI SELARI DENGAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MEMBANTERAS GEJALA KEGANASAN SEKSUAL DAN MEMBINA SATU MASYARAKAT YANG BETANGGUNGJAWAB, PENYAYANG DAN PRIHATIN.